

< Go back to Article Page

Print Article

Beza hari langsung dulu dan kini

BERITA HARIAN, 19 April 2003, Page 17

Beza hari langsung dulu dan kini

NILAI ADAT

OLEH

MUHD ARIFF AHMAD

BUDAYAWAN

HARI langsung ialah hari disandingkan mempelai (yang lelaki) dengan pengantin (yang perempuan) di atas pelamin serta ditabalkan sebagai raja dan rani sehari.

Namun, sebelum upacara bersanding itu dilaksanakan, raja dan rani sehari itu mestilah dinikahkan (didaftarkan menurut hukum Islam) terlebih dahulu.

Setelah terdaftar menjadi suami isteri yang sah, barulah kededua suami isteri baru itu dibawa ke upacara bersanding; dihadapi tetamu.

➤ Upacara nikah

Pada zaman Orang Melayu Dini (OMD1 — orang Melayu dari zaman permulaan hingga ke zaman yang ditandai Abdullah Munsyi dalam abad ke-19), kerja kahwin orang Melayu biasanya berjalan sekurang-kurangnya selama seminggu. Orang-orang bangsawannya mengadakan majlis perkahwinannya hingga 44 hari dan 44 malam.

Majlis itu dibuat secara besar-besaran kerana hari perkahwinan itu merupakan peristiwa yang paling manis dan paling bermakna yang menjadi kenangan di sepanjang hayat jodoh pasangan suami isteri itu.

Kebetulan pula OMD1 banyak masa lapang. Kebanyakan mereka bekerja sendiri seperti berniaga, bertani, menelayan; kurang mereka yang makan gaji: bekerja dihambat waktu, lagi pun kerja kahwin itu merupakan kerja besar (sekali seumur hidup) yang melibatkan seluruh keluarga serta anak kampung.

Oleh sebab banyak masa lapang itu mereka laksanakan kerja kahwin selama seminggu; sebelum upacara bersanding dilaksanakan di hujung minggu itu, disempurnakan dulu majlis pernikahan.

Pada setiap malam menjelang hari persandingan dan walimatul-urusnya diisi dengan pelbagai keramaian seperti bersamra, permainan pencak silat, upacara berinai curi dan berinai kecil, majlis membaca barzanji, majlis khatam Quran atau sebagainya.

Namun, OMD2 (orang Melayu pada zaman bermula abad ke-20 hingga ke tahun 1950-an) tidak mempunyai banyak masa seperti OMD1 kerana ramai di antara mereka bekerja makan gaji; terikat kepada disiplin kerja — setiap detik berharga bagi mereka.

Oleh itu majlis pernikahan mereka dilaksanakan tiga ha-

ri sebelum upacara bersanding iaitu upacara nikah dilakukan pada malam Jumaat dan upacara bersanding dilaksanakan pada hari Ahad mendatang.

Akan Orang Melayu Kini (OMK) yang lebih sibuk daripada OMD2, majlis pernikahan itu, biasanya, dilaksanakan sehari sebelum majlis bersanding. Hari Sabtu petang mereka nikah dan esoknya pada hari Ahad majlis bersanding dan walimatulurus disempurnakan.

Oleh sebab sekarang kita sudah ada Pejabat Pernikahan yang cukup terurus maka para pengantin boleh nikah pada hari dan waktu pejabat. Sudah banyak pengantin melaksanakan pernikahan mereka di Pejabat Pernikahan itu. Namun, walimatul-urusnya masih diadakan juga di rumah-rumah pengantin pada Sabtu atau Ahad.

► Nikah gantung

Sehingga zaman OMD2, ada orang melakukan apa yang dinamakan nikah gantung. Nikah gantung, biasanya, dilakukan ibu bapa kedua-dua pihak yang telah bersetuju menjodohkan jejak dan perawannya; tetapi keadaan tidak mengizinkan mereka bersatu kerana sang perawannya belum cukup matang atau kerana sang jejaknya akan keluar kam-

pung menunaikan kewajipan hidupnya, sama ada untuk belajar atau merantau.

Oleh sebab mereka percaya bahawa bertunang bukan mesti berakhir dengan perkahwinan, maka supaya maksud kedua-dua pihak ibu bapa yang akan berbesan itu tidak tergendala, dinikah gantungkanlah jejaka dan perawan itu sebelum jejaka itu keluar kampung atau sebelum perawan itu cukup matang.

Selepas nikah, mereka tidak bersatu seperti suami isteri yang biasa; tetapi mereka kembali tinggal sendiri-sendiri.

Ibu bapa OMD percaya, kononnya, dengan melakukan nikah gantung demikian, jejaka itu akan berasa dia sudah bertanggungjawab atas isterinya. Jadi, dia tidak akan terpesona atau tergoda oleh gadis-gadis di tempat dia merantau itu.


Sehingga sang suami kembali dari perantauan atau sang isteri cukup matang barulah kedua-dua suami isteri itu dipersandingkan dan di-raikan dengan walimatulurus seperti pengantin-pengantin lain.

Dan, selepas hari langsung itu barulah mereka bersatu dan mulai hidup berumah tangga.

**Pada zaman OMK seka-
rang, boleh dikatakan: tidak
ada lagi adat nikah gantung
itu dilakukan orang kerana
perkahwinan masa kini di-
sempurnakan dalam keadaan
yang serba wajar.**

**Kematangan pun tidak
menjadi masalah lagi kerana
umur $6+6+4+3+3 = 22$ tahun;
sudah cukup matang bagi se-
seorang gadis untuk ber-
suami.**

**Dan, zaman persekolahan
yang 16 tahun itu telah mem-
bekalkannya ilmu yang me-
madai untuk menjadi suri ru-
mah tangga yang sempurna.**



Gambar hiasan: Pada zaman dulu, tidak lengkap majlis pengantin tanpa silat alu-aluan seperti yang ditunjuk-
kan oleh si gadis sunti ini.

FOTO: FILE